

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**

**RUJUKAN : 9420**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Hasan bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani kesan banjir pekerja asing di bandar-bandar utama pada setiap hujung minggu dan cuti umum. Jumlah limpahan, gelagat "*social practice*" yang mereka bawa, sedikit sebanyak mampu memberi kesan serta gambaran yang kurang baik kepada dunia luar dan pelancong terhadap imej serta Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Untuk makluman, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil serius hal-ehwal berkaitan pengurusan pekerja asing di negara ini. Kawalan dan pemantauan ke atas pekerja asing dilakukan di setiap peringkat bermula dari proses pengambilan, kemasukan dan sepanjang tempoh keberadaan pekerja asing di dalam negara. Kelulusan penggajian pekerja asing hanya diberikan berdasarkan keperluan sebenar majikan.**

**Kerajaan dan negara secara amnya mengambil maklum bahawa kemasukan pekerja asing menyumbang kepada kesan sosial dalam negara. Pekerja asing juga dilindungi di bawah *International Labour Law* yang mana hak-hak asasnya perlu dihormati dan dilindungi. Pekerja asing layak untuk menikmati cuti seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955. Lazimnya, pada hari minggu/cuti umum pekerja asing ini akan bertumpu di kawasan tumpuan ramai untuk meluangkan masa bersama rakan senegara.**

**Walau bagaimanapun, pekerja asing masih tertakluk kepada peraturan dan undang-undang Malaysia. Mana-mana pekerja asing yang didapati melanggar undang-undang negara boleh dikenakan tindakan undang-undang dan ditamatkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).**